

Kerajaan dahulu mahu berikan dana secara percuma

SHAH ALAM: Keputusan kerajaan menyuntik pelaburan sebanyak RM1.1 bilion kepada Sapura Energy Berhad (SEB) tidak bercanggah sepertimana didakwa sesetengah pihak, kata Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin.

Jelas Azman, SEB tetap perlu membayar semula amaun berkenaan sama ada dalam bentuk pinjaman bersyarat atau lain-lain.

"Kerajaan dahulu nak *bailout*, maksudnya Permodalan Nasional Berhad (PNB) menyuntik dana kepada SEB. Keadaan ketika itu berbeza dengan sekarang kerana mereka nak beri percuma, tetapi kami beri pinjaman.

"Pelaburan ini spbagai usaha penstrukturan semula

kewangan dan teruskan komitmen dalam perniagaan minyak dan gas (O&G) kerana kita semua tahu SEB bukan sahaja mempunyai ribuan pekerja bumiputera, malah vendor-vendor yang menjalankan perniagaan bersama.

"Kalau Kerajaan Madani tidak bantu, SEB akan berdepan masalah dan bentuk pertolongan yang kita beri hanya pinjaman, syarikat tersebut kena bayar balik," katanya ketika ditemui pemberita selepas program Interview bertajuk 'Kerajaan Perlu Buktikan RUU PSB Tidak Jejaskan Rakyat yang bersiaran secara langsung dari Studio F Kompleks Kumpulan Karangkrif di sini di semua platform digital *Sinar Harian* pada Khamis.